

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)

www.ijlgc.com



E-DAGANG: KONTRAK DAN TRANSAKSI

E-COMMERCE: CONTRACT AND TRANSACTION

Nurul Izzati Md Rashid^{1*}, Farihana Abdul Razak²

¹ Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Malaysia.
Email: izzatirashid@uitm.edu.my

² Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Malaysia.
Email: farihana@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.12.2022

Revised date: 30.01.2023

Accepted date: 23.02.2023

Published date: 07.03.2023

To cite this document:

Rashid, N. I. M., & Razak, F. A. (2023). E-dagang: Kontrak Dan Transaksi. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 89-96.

DOI: 10.35631/IJLGC.831007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Dengan kemunculan era globalisasi, semakin ramai masyarakat termasuk rakyat Malaysia menggunakan platform yang tersedia bagi transaksi jualan secara dalam talian yang dikenali sebagai e-dagang. E-dagang tidak memerlukan penjualan dan pembelian dilaksanakan secara bersemuka, malah hanya menggunakan jaringan internet sebagai penghubung antara pihak-pihak yang membuat perjanjian jual beli. Peningkatan pasaran urus niaga dalam talian dapat dikaitkan dengan peningkatan jumlah pengguna rangkaian internet yang kian meningkat saban hari. Objektif kajian ini adalah untuk memperhalusi dan membincangkan e-dagang bagi perspektif kontrak dan transaksi jualan dan belian barangan secara dalam talian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan deskriptif iaitu dengan meneliti sorotan kajian lepas untuk dibincangkan berkenaan dengan e-dagang termasuk perkara yang berkaitan e-kontrak dan transaksi e-dagang tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa pengenalan e-dagang telah mengalami evolusi dan membawa kepada penggunaan e-kontrak secara meluas. Oleh itu, kontrak secara dalam talian atau e-kontrak ini adalah sah di sisi undang-undang selagi ianya tidak bercanggahan dengan undang-undang sedia ada.

Kata Kunci:

E-dagang, Kontrak, E-kontrak, Transaksi

Abstract:

With the recent emergence of globalisation, many people including Malaysians are widely using the online platform to conduct online transactions known as e-commerce. E-commerce did not require the sale and purchase transaction to be done face-to-face, in fact, by having an Internet connection, the contractual parties are then able to transact. The increase in the online sale and purchase

transactions are in line with the increase in the numbers of internet users day-by-day. The objective of this research is to refine further and discuss the concept of e-commerce from the perspective of online contract and online sale and purchase transaction. This research is done using a qualitative measure through literature review and descriptive method whereby the highlights of previous studies involving e-commerce and e-contract are thoroughly discussed. The research outcome portrays a vast evolution of e-commerce from when it was first introduced causing e-contract to be widely used. Thus, it can be said that a contract made online or e-contract is valid under the law of Malaysia so long as it doesn't contravene with the existing laws.

Keywords:

E-commerce, Contract, E-contract, Transaction

Pengenalan

Globalisasi yang melanda dunia pada masa kini mencetuskan pelbagai perkara baharu yang mengubah pelbagai perkara termasuklah konteks perdagangan barang. Perkembangan teknologi dan penggunaannya dalam kehidupan seharian melahirkan masyarakat yang lebih berilmu dan bermaklumat kerana sumber maklumat kini lebih mudah diperolehi serta disebarluaskan. (Kamsin, 2020). Selain itu juga, sumber pendapatan bagi pihak yang melakukan perdagangan secara dalam talian turut meningkat. (Mohd Rawi, Omar, & Shahkat Ali, 2012). Perkembangan internet dan gajet telah menjadikan transaksi jualan barang secara dalam talian semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna. Internet adalah jaringan tanpa had yang menghubungkan media elektronik dengan pantas. Penambahbaikan teknologi ini telah membawa cara yang lebih pantas untuk menjalankan transaksi perniagaan. E-dagang yang diperkenalkan secara meluas merupakan proses jual beli barang dan perkhidmatan melalui jaringan internet tanpa terhalang oleh waktu, had dan jarak. (Chaudhary, 2019)

Berbeza daripada transaksi kertas yang digunakan sebelum pengenalan e-dagang, didapati pembentukan e-kontrak adalah berbeza dan lebih teknikal daripada kontrak tradisional biasa. E-kontrak ialah kontrak yang dilaksanakan dan digubal oleh sistem perisian tanpa pihak-pihak yang berkontrak bertemu secara peribadi untuk membentuk, berunding dan melaksanakan terma kontrak mereka. Komunikasi yang digunakan adalah berbentuk jarak jauh seperti internet, e-mel, telefon dan aplikasi yang berkaitan sehingga kontrak dimuktamadkan. Oleh itu, artikel ini akan menyoroti sorotan kajian lepas untuk membincangkan e-dagang termasuk perkara yang berkaitan e-kontrak dan transaksi e-dagang tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan deskriptif. Hsieh dan Shannon (2005) menerangkan bahawa salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan bagi meneliti data teks ialah analisis kandungan kualitatif dan proses analisis data bermula dengan carian manual atau melalui komputer. Menurut Safdar dan rakan-rakan (2016), kaedah kualitatif digunakan untuk mengenal pasti topik yang berkaitan dengan penyelidikan. Justeru, jenis penelitian dan perbincangan dalam artikel ini adalah kajian kepustakaan yang mengutamakan bahan kepustakaan sebagai sumber utama. Sumber data sekunder iaitu data yang diperolehi adalah melalui penyelidik yang telah melakukan penyelidikan dari sumber sedia ada digunakan sebagai rujukan, iaitu sorotan kajian lepas digunakan bagi menyokong serta menghuraikan isu e-dagang termasuk perkara yang berkaitan e-kontrak dan transaksi e-dagang tersebut.

E-Dagang: Jualan Barang Secara dalam Talian dan Transaksi


Perkembangan dalam bidang teknologi maklumat memberi kesan terhadap ekonomi sesebuah negara, status kehidupan masyarakat serta bidang perniagaan dan perdagangan (Sadual, 2021). E-dagang dikenali sebagai perdagangan melalui jaringan internet atau perdagangan elektronik iaitu transaksi jualan dan belian barang atau perkhidmatan secara dalam talian. Purwadi (2015) menjelaskan bahawa pembangunan transaksi e-dagang dijalankan melalui sambungan rangkaian internet. Dalam persekitaran e-dagang, penjual memperkenalkan produk jualan berserta harga dan terma serta syarat mereka kepada bakal pembeli. Kemudian, pembeli akan mempertimbangkan pilihan mereka, merundingkan harga dan terma (jika dibenarkan oleh penjual), pembeli membuat pesanan dan seterusnya membuat pembayaran (Mikail, 2016).

Terdapat beberapa jenis e-dagang iaitu (i) perniagaan ke perniagaan (B2B); (ii) perniagaan ke pengguna (B2C); (iii) pengguna ke pelanggan (C2C); (iv) pengguna ke perniagaan (C2B); (v) perniagaan ke pentadbiran (B2A); (vi) pengguna ke pentadbiran (C2A); (vii) perdagangan mudah alih (MC); dan (viii) perdagangan sosial (SC). Pihak-pihak yang terlibat dalam e-dagang ini adalah seperti penjual, pelanggan, pembeli, orang awam dan organisasi. Suhaimi dan rakan-rakan (2020) menerangkan bahawa e-dagang melibatkan transaksi antara tiga pihak iaitu antara peniaga dengan peniaga, peniaga dengan pelanggan dan pelanggan dengan pelanggan.

Perniagaan secara atas talian atau e-dagang dapat membantu usahawan memperoleh pendapatan tambahan (Baharun dan Mohd Balwi, 2021). E-dagang mudah digunakan, perniagaan secara automatik hanya diujung jari, berpotensi mempunyai pasaran yang luas serta perniagaan secara dalam talian ini dibuka selama 24 jam sehari dan proses jualan dan belian melangkaui sempadan dunia. Abdul Rahman (2020) mendapati bahawa penjual akan mempromosikan produk atau barangnya yang tersedia melalui pasaran terbuka. E-dagang turut melibatkan pemindahan dana secara elektronik, pemindahan data elektronik, sistem pengurusan inventori automatik, dan sistem data pengumpulan automatik (Purwadi, 2015). Penggunaan e-dagang turut meluas digunakan dalam urusan seharian seperti pembayaran bil utiliti, cukai, dan saman (Mohd Rawi dan rakan-rakan, 2012). Oleh itu, Widjaja dan rakan-rakan (2022) menegaskan bahawa transaksi dalam e-dagang seharusnya tidak merugikan mana-mana pihak.

Transaksi jualan dan pembelian barangan melalui dalam talian tidak lagi asing apabila pengguna kini sudah terbiasa dengan pelbagai aplikasi seperti Shopee dan Lazada yang merupakan platform terbesar pembelian dan penjualan barangan secara dalam talian. Apabila pengguna mendaftar kepada aplikasi tersebut, mereka perlu bersetuju dengan terma dan syarat yang telah ditetapkan. Pengguna perlu membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat semasa membuat pendaftaran bagi aplikasi pembelian dan penjualan secara dalam talian. Setelah itu, pengguna dapat menggunakan aplikasi tersebut. Roslan dan rakan-rakan (2022) berpendapat bahawa membeli-belah dalam talian melibatkan proses bermula dengan laman web penjual, pembeli membuat pilihan, dan penjual akan membuat pengaturan untuk penghantaran barangan tersebut. Selain itu juga, pembeli boleh memilih untuk membayar dalam talian dengan menggunakan kad kredit atau debit, atau secara bayaran tunai apabila barangan itu dihantar dan diterima. Menurut Tripathy (2016), e-dagang memudahkan pertukaran data berhubung dengan perkara yang melibatkan kewangan dan pembayaran.

Rajah 1 di bawah menunjukkan pengoperasian e-dagang, e-kontrak dan transaksi.



Rajah 1: Pengoperasian E-Dagang, E-Kontrak dan Transaksi

Pembentukan e-Kontrak

Disebabkan e-dagang adalah evolusi yang berlaku secara meluas tanpa sempadan di dunia, maka penyediaan kontrak untuk transaksi jual dan beli tidak lagi dilaksanakan secara tradisional namun telah diperkenalkan dengan e-kontrak, iaitu kontrak secara dalam talian tanpa melibatkan pertemuan pihak-pihak berkontrak secara berhadapan dan bersemuka. Perkara ini turut di sokong oleh Tripathy (2016), yang menyatakan bahawa selaras dengan perkembangan teknologi terkini, sistem kontrak baharu telah muncul dan menggunakan elektronik sebagai saluran untuk penyampaian kontrak. Suhaimi dan rakan-rakan (2020) mendapati bahawa kontrak e-dagang sentiasa mengalami evolusi dan pembaharuan kerana teknologi semasa sentiasa berkembang dan kaedah pembentukan kontrak turut mengalami perubahan.

Kontrak adalah perjanjian yang mengikat pihak-pihak berkontrak agar kedua-dua pihak melaksanakan obligasi kontrak berdasarkan perjanjian yang telah dipersetujui dan dimetrai. Purwadi (2015) berpendapat bahawa tujuan kontrak adalah untuk pihak-pihak yang berjanji melaksanakan janji seperti mana yang terkandung dan dipersetujui oleh mereka. Hak dan kewajiban pihak-pihak berkontrak adalah berdasarkan terma dan syarat perjanjian. Kontrak boleh terbentuk secara lisan, bertulis, tindakan atau kombinasi di antara ketiganya. Pembentukan kontrak menjadi tunjang terutama untuk dibuktikan bagi menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan. E-kontrak merupakan perjanjian yang dibuat secara dalam talian (Abdul Razak dan Abd Ghadas, 2020) dan dilaksanakan melalui jaringan internet dari sistem maklumat komputer dengan sistem elektronik (Herianto Sinaga dan Wiryawan, 2020). E-Kontrak atau kontrak secara dalam talian yang diperkenalkan pada era globalisasi adalah penting serta efisien kerana ianya menjadi keperluan atas faktor kepesatan, kelajuan, kesesuaian dan kecekapan. Menurut (Abdul Razak dan Abd Ghadas, 2020), e-dagang salah satu contoh yang mewujudkan e-kontrak. Saini dan Bhanu (2021) menegaskan bahawa e-kontrak adalah bahagian penting dalam e-dagang dan perlu dikawal serta diberi perhatian sebaiknya kerana pelbagai isu boleh timbul dalam urusan niaga secara dalam talian. Alat elektronik adalah perantara antara penjual dan pembeli bagi transaksi dan pelaksanaan jual beli

secara atas talian (Baharun dan Mohd Balwi, 2021). Obligasi kontrak antara pihak-pihak dalam transaksi adalah berdasarkan terma dan syarat yang terkandung dalam e-kontrak (Anand dan rakan-rakan, 2020).

Walaupun e-kontrak pada asasnya sama dengan kontrak tradisional, namun, cara dan prinsip yang dipraktikkan bagi e-kontrak adalah berbeza daripada urus niaga kertas. Terdapat beberapa jenis e-kontrak dalam e-dagang seperti perjanjian “*click-wrap*”, “*shrink-wrap*”, “*browse-wrap*”, dan “*sign-in wrap*”. Antara kaedah e-kontrak dibentuk adalah iaitu melalui pertukaran e-mel dan lampiran, dengan memesan secara dalam talian untuk barangan yang diiklankan dalam laman web dan dengan penggunaan pertukaran rangkaian EDI. Pertukaran Data Elektronik (EDI) adalah satu set piawaian pemindahan maklumat elektronik dengan menggunakan model struktur maklumat untuk perkongsian maklumat perniagaan antara komputer dan pemindahan elektronik perniagaan urus niaga.

Perundangan di Malaysia

Sistem perundangan di Malaysia menitikberatkan tentang transaksi jualan barangan. Antara akta yang mengawal selia berhubung perkara jual beli adalah seperti Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957, dan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Akta Perdagangan Elektronik 2006 pula memberi perhatian kepada transaksi menggunakan medium elektronik.

Akta Kontrak 1950

Akta Kontrak 1950 merupakan akta yang dikuatkuasakan pada tahun 1950 iaitu sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Meskipun berusia 72 tahun, Akta Kontrak 1950 masih menjadi akta induk yang mengawal selia perihal kontrak. Akta Kontrak 1950 terdiri daripada tiga komponen utama iaitu pembentukan kontrak, pelepasan kontrak dan remedi. Dari aspek pembentukan kontrak, Akta Kontrak 1950 menggariskan elemen-elemen pembentukan kontrak iaitu tawaran, penerimaan, balasan, niat mewujudkan kontrak, dan keupayaan. Manakala dari aspek pembatalan kontrak, Akta Kontrak 1950 menggariskan elemen-elemen yang menggugat keesahan kontrak seperti frod, khilaf, pengaruh tidak berpatutan, paksaan dan salahnyataan. Seterusnya, dari aspek remedi, Akta Kontrak 1950 menyediakan remedi bagi perlanggaran kontrak yang berlaku.

Akta Jualan Barangan 1957

Akta Jualan Barang 1957 merupakan akta yang dikuatkuasakan pada tahun 1957 dan pemakaiannya terbatas kepada negeri-negeri di Malaysia Barat sahaja berdasarkan seksyen 1 akta tersebut. Merujuk kepada seksyen 3, akta ini mengawal selia kesan kontrak, isi kandungan kontrak, pelaksanaan kontrak dan remedi kemungkiran kontrak jualan barang. Akta ini juga menerima pemakaian Akta Kontrak 1950 selagi ia tidak bertentangan dengan peruntukan yang terdapat dalam akta tersebut. Dalam aspek pembentukan kontrak, akta ini tidak menekankan elemen-elemen pembentukan kontrak secara mendalam sebaliknya hanya menyatakannya dalam seksyen 5.

Dari aspek pelaksanaan kontrak, seksyen 42 Akta Jualan Barang 1957 memperincikan perihal penerimaan melalui tiga cara iaitu pertama apabila dia membayangkan kepada penjual bahawa dia telah menerimanya. Kedua, apabila barang tersebut telah diserahkan kepadanya dan dia telah melakukan apa-apa tindakan berhubungan dengannya yang tidak konsisten dengan pemilikan penjual. Ketiga, selepas luput suatu tempoh masa yang munasabah, dia menyimpan barang-barang itu tanpa membayangkan kepada penjual bahawa dia telah menolaknya. Dari aspek remedi kemungkiran kontrak, Akta Jualan Barang 1957 tidak hanya menyediakan remedi

terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pengguna sahaja sebaliknya turut menyediakan remedi bagi pihak penjual. Sebagai contoh, seksyen 46 Akta Jualan Barang 1957 menerangkan hak penjual yang tidak dibayar.

Akta Pelindungan Pengguna 1999

Akta Pelindungan Pengguna 1999 merupakan sebuah akta yang dikuatkuasakan pada tahun 1999. Akta ini merupakan salah satu *hard laws* yang diluluskan oleh parlimen untuk memberi perlindungan kepada pengguna di Malaysia. Menurut Roslan dan rakan-rakan (2022), memandangkan platform e-dagang berkembang pesat setiap hari, perlindungan terhadap e-pengguna dan pengguna juga sepatutnya bertambah baik.

Akta Perdagangan Elektronik 2006

Akta Perdagangan Elektronik 2006 merupakan sebuah akta yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2006 bagi memberi pengiktirafan terhadap transaksi yang dimasuki menggunakan medium elektronik. Bahagian II Akta ini secara jelas menyatakan perihal pengiktirafan menggunakan medium elektronik. Contohnya, Bahagian III merupakan bahagian khusus berkenaan instrumen yang memenuhi kehendak undang-undang melalui cara elektronik seperti tulisan, tandatangan, materai, saksi dan sebagainya.

Kesimpulan

Sistem e-dagang yang semakin meluas pada masa kini dengan peningkatan penggunaan internet telah meninggalkan impak yang besar khususnya dalam transaksi jualan barang. Hal ini memandangkan metode transaksi jualan barang turut berubah seiring dengan perkembangan sistem e-dagang. Evolusi e-dagang telah memudahkan pelbagai transaksi daripada penjualan, promosi, pembelian, terma dan syarat sehinggalah pembayaran. Dari aspek penguatkuasaan undang-undang pula, meskipun Malaysia mempunyai beberapa akta yang berkaitan transaksi jualan barang dalam talian iaitu Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barang 1957, Akta Pelindungan Pengguna 1999 dan Akta Perdagangan Elektronik 2006, namun belum ada sebarang peruntukan dalam akta tersebut yang menggariskan perihal transaksi jualan barang secara dalam talian sama ada dari aspek pembentukan kontrak atau perlindungan pengguna secara khusus. Rajah 2 menunjukkan ringkasan permasalahan dalam perundangan sedia ada. Oleh itu, pengguna sendiri haruslah sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam memasuki dan membuat keputusan terhadap transaksi secara dalam talian.

Akta Jualan Barang 1957	<ul style="list-style-type: none">• Berusia dan konteks tidak bersesuaian dengan transaksi jualan barang semasa.• Tidak menyeluruh dari aspek pemakaian akta.• Tidak menerangkan elemen pembentukan kontrak secara mendalam.
Akta Kontrak 1950	<ul style="list-style-type: none">• Berusia dan konteks tidak bersesuaian dengan pembentukan kontrak semasa.• Wujud lakuna dari aspek isi kandungan kontrak.
Akta Pelindungan Pengguna 1999	<ul style="list-style-type: none">• Terlalu memfokuskan kepada transaksi jualan secara bersemuka.• Tidak mengengahkan permasalahan berkaitan transaksi jualan barang dalam talian/yang dilakukan melalui cara elektronik.
Akta Perdagangan Elektronik 2006	<ul style="list-style-type: none">• Tidak menghuraikan elemen-elemen pembentukan kontrak yang dilakukan melalui cara elektronik secara mendalam.

Rajah 2: Ringkasan Permasalahan Dalam Perundangan Sedia Ada

Rujukan

- Abdul Rahman, N. R. (2020). The Rule of Caveat Emptor For E-commerce Transaction In Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 3(1), 18–28.
- Abdul Razak, F., & Abd Ghadas, Z. A. (2020). From Barter System to E-Contract: Development on Trade in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(12), 390–399. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i12/8018>
- Anand, G., Yudhantaka, L., & Katulistiwa, M. L. (2020). The Perspective of Indonesian Law on E-Commerce: Validity, Liability and Dispute Settlement. *Padjadjaran Jurnal Ilmu Hukum*, 7(3), 334–352. <https://doi.org/10.22304/pjih.v7n3.a3>
- Baharun, M. T., & Mohd Balwi, M. A. W. F. (2021). Potensi Dan Cabaran Perniagaan E-Dagang Pasca Covid-19 Suatu Cadangan Penyelesaian. *Online Journal of Islamic Management and Finance*, 1(1), 1–12.
- Chaudhary, A. (2019). E commerce revolutionary movement in the market. *International Journal of Law Management & Humanities*, 2(4), 185-194.
- Herianto Sinaga, D., & Wiryawan, I. W. (2020). Keabsahan Kontrak Elektronik (E-Contract) Dalam Perjanjian Bisnis. *Jurnal Kertha Semaya*, 8(9), 1385–1395. <https://doi.org/10.24843/ks.2020.v08.i09.p09>
- Hsieh, H.-F., & Shannon, S. E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277–1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Kamsin, M. N. (2020, Ogos 26), Didik generasi muda tapis maklumat media sosial. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/08/724744/didik-generasi-muda-tapis-maklumat-media-sosial>
- Mikail, A. (2016). Legal issues in e-Commerce: A Case Study of Malaysia. *Qatar Foundation Annual Research Conference*, 4–5. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.5339/qfarc.2016.ICTSP1876>.

- Mohd Rawi, A. S. H., Omar, S. Z., & Shahkat Ali, M. S. (2012). E-Dagang di Malaysia: Perkembangan, Pelaksanaan, dan Cabaran. *Jurnal Teknologi*, 57, 105–127.
- Purwadi, A. (2015). Good Intention on Electronic Contract Through E-Commerce. *Jurnal Dinamika Hukum*, 15(3), 297–303. <https://doi.org/10.20884/1.jdh.2015.15.3.349>
- Roslan, A. K., Mohd Fakrudin, N. S. A., Abdul Ghani, N. A., Mat Saad, H., & Ishak, S. (2022). Legal Protection of E-Consumers in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(29), 223–241. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.729016>
- Sadual, M. K. (2021). Electronic Contracts: Legal Issues and Challenges. *International Journal of Reserach and Analytical Review*, 8(3), 793–798.
- Safdar, N., M. Abbo, L., Knobloch, M. J., & K. Seo, S. (2016). Research Methods in Healthcare Epidemiology: Survey and Qualitative Research. *Infection Control & Hospital Epidemiology*, 37(11), 1272–1277. Retrieved from <https://scihub.se/https://doi.org/10.1017/ice.2016.171>.
- Saini, N., & Bhanu, A. P. (2021). Legal Issues Vis a Vis Online Contracts in Global Scenario. *Revista Gestão Inovação e Tecnologias*, 11(4), 4482–4488. <https://doi.org/10.47059/revistageintec.v11i4.2474>
- Suhaimi, R., Ahmad, I., Yaakub, E., Mahaiyadin, M. H., & Sulong, J. (2020). Konsep Dan Praktis Transaksi E-Dagang Patuh Syariah: Satu Sorotan Kajian. *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 101–115. Retrieved from <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/24>.
- Tripathy, B. (2016). A Critical Analysis of the Cyber Contract Using Electronic Mail. *Proceedings of the Second International Conference on Information and Communication Technology for Competitive Strategies*, 1–6. <https://doi.org/10.1145/2905055.2905240>
- Widjaja, G., Roufal, M., M. Marpaung, M. M., & Suwanda, M. R. (2022). E-Signature dalam E-Kontrak. *Jurnal Cakrawala Ilmiah*, 1(6), 1369–1382.